



جَابِرٌ مُّفْتِنُكَ رِيَّ قَلْبِج

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Soalan :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya ingin bertanya, boleh atau tidak diberi ubat penenang/ubat tidur (seperti yang dibuat di beberapa negara) kepada haiwan yang akan kita lakukan sembelihan, contoh haiwan sembelihan korban. Memandangkan ibadah korban dibuat setahun sekali, jadi kebanyakan tukang sembelih dan pembantu mungkin agak kekok dan secara tidak langsung seolah-olah menyakiti haiwan sewaktu process mengikat dan menumbangkan haiwan. Hingga ada orang yang melihatnya berhenti memakan daging lembu selama bertahun-tahun kerana sangat terkesan melihat proses tersebut. Tujuan soalan ini adalah ingin mengetahui jika ada cara yang nampak lebih lembut untuk melakukan ibadah korban. Mohon penjelasan.

Sekian, terima kasih.

Jawapan :

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam atas Nabi besar junjungan kita Nabi Muhammad SAW beserta keluarga dan sahabatnya serta mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada tuan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Hukum menggunakan ubat penenang kepada binatang sembelihan sebelum disembelih adalah **harus hukumnya**. Syarak telah menetapkan bahawa setiap manusia mestilah bersikap ihsan kepada haiwan kerana ia merupakan makhluk Allah SWT jua. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nahl ayat 90 :

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya : Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

Menurut al-Saa'di "*berbuat baik itu adalah seperti seseorang memberi manfaat kepada orang lain dengan hartanya, tubuh badannya, ilmunya atau lain-lain perkara yang bermanfaat sehinggakan termasuk juga di dalamnya suruhan berbuat baik kepada haiwan ternakan yang dimakan atau selainnya, iaitu haiwan yang tidak dimakan*".

Oleh itu, dalam kita melaksanakan sembelihan haiwan perlulah memenuhi syarat-syarat sembelihan bagi menjamin binatang sembelihan tersebut tidak dalam keadaan menyeksakan dan halal dimakan oleh orang Islam. Ia berdasarkan kepada

sebuah hadis daripada Syadad bin Aus bahawasanya Rasulullah SAW pernah bersabda :

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ
وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُرِخْ ذَبِيحَتَهُ

Maksudnya : *"Allah menetapkan kebaikan pada segala sesuatu, maka jika kalian membunuh, maka bunuhlah dengan cara yang baik, dan jika kalian menyembelih binatang, lakukanlah dengan cara yang baik, dan hendaknya salah satu daripada kalian mengasah pisau serta meredakan rasa sakit pada haiwan yang disembelih."*

Menurut Imam Nawawi dalam Minhaj Syarah Sahih Muslim telah mentafsirkan hadis ini bahawa haiwan sembelihan itu hendaklah direhatkan dengan cara menajamkan pisau dan menyejukkan proses sembelihannya. Begitu juga haiwan yang ingin disembelih dan tidak menyembelih haiwan dihadapan haiwan-haiwan yang lain.

Maka bagi memastikan keharusan ini selari dengan syarak menurut Keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) yang telah bersidang pada tahun 2005 antaranya telah memutuskan bahawa:

"Penggunaan dadah dan karbon dioksida dalam prosedur sembelihan adalah diharuskan dengan syarat tidak menyiksa atau mematikan haiwan tersebut"

Justeru itu, jabatan ini berpandangan bahawa tidak menjadi kesalahan jika menggunakan ubat penenang kepada haiwan korban dengan syarat dos ubat tersebut tidak menyiksa dan mematikan haiwan korban. Semoga maklumat yang disampaikan kepada tuan dapat memberikan penjelasan yang jelas terhadap permasalahan tuan.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Rujukan

1. Al-Quran dan Terjemahan.
2. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-70 yang bersidang pada 29 September 2005 (Hukum Mengenai Stunning Haiwan).
3. Tafsir al-Saa'di.
4. Sahih Muslim.